



KENYATAAN MEDIA

MENTERI PENGANGKUTAN, WILAYAH PERSEKUTUAN MEMERIKSA BAHAGIAN BAWAH TANAH MRT LALUAN PUTRAJAYA

Fasa Kedua 93.52% siap, Fasa Satu akan mula operasi November ini

Kuala Lumpur 4 Oktober 2021: Menteri Pengangkutan YB Datuk Seri Ir Dr Wee Ka Siong dan Menteri Wilayah Persekutuan YB Dato' Seri Dr Shahidan Kassim pada hari ini melakukan pemeriksaan atas kerja-kerja bawah tanah MRT Laluan Putrajaya.

Kedua-dua Menteri memulakan lawatan kerja mereka di Persilangan Hospital Kuala Lumpur (HKL) berhampiran dengan Jalan Tun Razak di mana mereka telah disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) Datuk Mohd Zarif Hashim.

Besama kedua-dua menteri untuk lawatan kerja ini adalah Timbalan Menteri Pengangkutan YB Dato Henry Sum Agong, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Datuk Isham Ishak dan Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Hj. Mahadi Bin Che Ngah.

Turut hadir adalah ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Barisan Kepimpinan Kanan Prasarana Malaysia Bhd, Lembaga Pengarah dan Barisan Kepimpinan MRT Corp dan wakil-wakil daripada MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd selaku kontraktor pasang siap (turnkey) projek ini.

Delegasi pada mulanya telah diberi taklimat mengenai kemajuan projek oleh Pengarah Projek Laluan Putrajaya MRT Corp Dato' Amiruddin Ma'aris. Kemudiannya, mereka telah turun ke landasan bawah tanah 20m di bawah aras tanah, dan berjalan melalui terowong ke Stesen MRT Hospital Kuala Lumpur.



Bercakap kepada wartawan selepas lawatan kerja tersebut, YB Datuk Seri Ir Dr Wee mengucapkan tahniah kepada MRT Corp dan rakan-rakan projeknya atas kemajuan yang dicapai bagi Projek MRT Laluan Putrajaya.

“MRT Laluan Putrajaya akan siap pada masa yang amat penting. MRT ini akan membantu kita semua sebagai satu Keluarga Malaysia untuk kembali bekerja dan menjalankan kehidupan normal. MRT akan memainkan peranan yang amat penting dalam usaha pemulihan ekonomi negara,” kata beliau.

Tambah beliau, pada masa negara bergerak ke arah pemulihan, keselamatan penumpang mesti diberi keutamaan dan semua SOP Covid-19 harus dipatuhi dengan sepenuhnya. Beliau berkata kementerianya akan memastikan bahawa semua pengendali pengangkutan awam akan memastikan segala SOP dipatuhi dengan sepenuhnya supaya keselamatan pengguna dapat dijamin.

YB Dato’ Seri Dr Shahidan berkata Projek MRT Lembah Klang adalah satu inisiatif penting untuk membolehkan Kuala Lumpur mengurangkan pengeluaran karbon (carbon emissions).

“Projek MRT Lembah Klang akan dapat membantu pengurangan penggunaan kenderaan persendirian dan ini akan menjadikan Kuala Lumpur lebih hijau serta menjadi sebuah bandaraya lestari bagi semua penghuninya. Lebih ramai orang harus menggunakan pengangkutan awam dan bukan kenderaan persendirian mereka, dan Projek MRT ini adalah inisiatif yang penting dalam usaha untuk mengurangkan pengeluaran karbon di Kuala Lumpur,” kata beliau.

Semasa pemeriksaan dijalankan, kedua-dua Menteri telah memeriksa persilangan landasan (crossover), landasan, system suis, stesen bawah tanah dan struktur-struktur yang berada di bawah Jalan Tun Razak.

Persilangan landasan ini merupakan satu daripada dua yang dibina untuk bahagian bawah tanah MRT Laluan Putrajaya. Persilangan landasan amat penting untuk MRT beroperasi dengan efisien dan selamat kerana ia membolehkan tren dikeluarkan daripada perkhidmatan tanpa menjejaskan operasi train di landasan utama, dan juga membolehkan tren tambahan dimasukkan untuk operasi di landasan utama supaya kekerapan tren dapat ditingkatkan.

Bahagian bawah tanah MRT Laluan Putrajaya adalah sepanjang 13.5km dan mempunyai sembilan stesen bawah tanah. Kerja mengorek terowong untuk bahagian ini telah siap pada 11 Oktober 202. Sebanyak 12 mesin pengorek terowong telah digunakan untuk membina terowong berkembar di bahagian ini.

Bahagian bawah tanah ini berada di Fasa Dua MRT Laluan MRT Putrajaya yang dijangka akan beroperasi pada Januari 2023. Fasa Dua adalah dari Stesen Kentonmen ke Stesen Putrajaya Sentral dan kemajuan pembinaan fasa ini adalah pada tahap 93.52%.

Fasa Satu MRT Laluan Putrajaya di antara Stesen Kwasa Damansara dan Stesen Kampung Batu dijangka akan beroperasi pada November tahun ini. Kerja pembinaan untuk fasa ini hamper siap dan berada di tahap 99.9%.



Untuk pertanyaan daripada media, sila hubungi:

Mr Leong Shen-Li
MRT Corp

+6012-319 6602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Ms Amalina Ghazali
MRT Corp

+6016-215 4055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my